



## **PARTI PRIBUMI BERSATU MALAYSIA**

(Ros. No. PPM-007-14-08092016)

Tingkat 8, Menara Yayasan Selangor, No. 18A, Jalan Persiaran Barat,  
PJS 52, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

### **KENYATAAN MEDIA**

#### **KETUA PENERANGAN BERSATU**

1. Saya merujuk kepada kenyataan media YB Senator Datuk Wira Haji Marzuki Yahya bertarikh 7 Mei 2020. Dalam kenyataan ini, beliau mendakwa MPT BERSATU tidak pernah membuat keputusan untuk BERSATU keluar dari Pakatan Harapan (PH).
2. Di awal kenyataan ini, saya ingin menjelaskan bahawa YB Senator Datuk Wira Haji Marzuki tidak lagi menjawat jawatan Setiausaha Agung BERSATU. Beliau telah diberhentikan sebagai Setiausaha Agung BERSATU pada 18 Mac 2020. YB Dato' Seri Hamzah Zainuddin telah dilantik sebagai Setiausaha Agung BERSATU yang baharu pada 26 Mac 2020. Walau bagaimanapun, tanpa hilang sedikitpun rasa hormat saya kepada beliau, saya mengambil kesempatan ini untuk memberi respon kepada kenyataan beliau.
3. Saya ingin menjelaskan bahawa Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) BERSATU dalam mesyuaratnya pada 23 Februari 2020 telah membuat keputusan yang jelas untuk keluar dari PH dan membentuk sebuah gabungan politik baharu dengan parti-parti lain di luar PH. Justeru, dakwaan YB Senator Datuk Wira Haji Marzuki bahawa MPT tidak pernah membuat keputusan ini adalah tidak benar sama-sekali. Malah keputusan ini bukanlah dibuat secara tergesa-gesa. Ia telah dibincang di pelbagai peringkat pimpinan parti beberapa bulan sebelumnya dan dimuktamadkan dalam mesyuarat Biro Politik BERSATU pada 21 Februari 2020 dan mesyuarat MPT BERSATU pada 23 Februari 2020.

4. Saya juga ingin menjelaskan kepada ahli-ahli BERSATU bahawa perancangan untuk membawa BERSATU keluar dari PH dan membentuk sebuah gabungan politik baharu diketahui dan disokong oleh YABhg Tun sendiri. Hanya di saat-saat akhir di mana perancangan ini sepatutnya dilaksanakan, YABhg Tun mempunyai pendirian yang berbeza dengan pendirian parti.
5. Sebagaimana diketahui umum, YABhg Tun sentiasa didesak oleh pimpinan PH terutamanya dari PKR dan DAP supaya beliau meletakkan jawatan Perdana Menteri. Beliau dan pimpinan BERSATU yang lain serta ahli-ahli parti tidak selesa dengan desakan ini. Kerana itu, ramai yang berpandangan tiada lagi kesepakatan dalam PH.
6. Selain itu, pimpinan dan ahli parti di pelbagai peringkat juga tidak selesa dengan tindak tanduk parti DAP dan mereka rata-rata mahu parti mengkaji semula hubungan BERSATU dengan DAP dalam PH. Justeru, demi kelangsungan perjuangan parti di masa hadapan, langkah mula diambil untuk membawa BERSATU keluar dari PH dan membentuk sebuah gabungan politik baharu.
7. Kemuncak usaha ini ialah pada 23 Februari 2020. Mesyuarat MPT BERSATU pada hari tersebut dimaklumkan bahawa YABhg Tun telah mendapat sokongan majoriti ahli Dewan Rakyat yang terdiri daripada Ahli-Ahli Parlimen BERSATU, UMNO, PAS, GPS, WARISAN dan sebahagian Ahli Parlimen PKR yang diketuai oleh YB Dato' Seri Azmin Ali. Dengan sokongan ini, YABhg Tun boleh membentuk sebuah kerajaan baharu dan beliau kekal sebagai Perdana Menteri.
8. Dengan sokongan padu kepada YABhg Tun yang diterima daripada Ahli-Ahli Parlimen parti-parti di luar PH, MPT BERSATU memutuskan untuk keluar dari PH dan membentuk sebuah gabungan politik baharu. Namun, YABhg Tun tidak bersetuju dengan keputusan ini. Sebaliknya, beliau mahu kekal berada dalam PH kerana mesyuarat Majlis Presiden PH pada 21 Februari 2020 telah memutuskan

untuk menyerahkan kepada beliau menentukan tarikh bila beliau hendak melepaskan jawatan Perdana Menteri.

9. Atas rasa hormat kepada YABhg Tun, MPT BERSATU bersetuju memberikan sedikit masa kepada beliau untuk mengumumkan keputusan yang telah dipersetujui oleh mesyuarat MPT. Dengan kata lain, keputusan untuk keluar dari PH telah dibuat, cuma pengumumannya sahaja ditangguhkan.
10. Namun, pada keesokan harinya, iaitu 24 Februari 2020, YABhg Tun telah mengumumkan peletakan jawatan sebagai Perdana Menteri dan Pengerusi BERSATU. Alasannya ialah kerana beliau tidak lagi mendapat sokongan ahli-ahli MPT.
11. Menurut Fasal 16.9 Perlembagaan BERSATU, apabila Pengerusi berhenti maka Presiden memangku jawatan Pengerusi. Sebagai Presiden dan pemangku Pengerusi BERSATU, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Hj Mohd Yassin pada hari yang sama telah membuat pengumuman BERSATU keluar dari PH sebagaimana yang telah diputuskan oleh MPT BERSATU dalam mesyuarat sehari sebelumnya.
12. Hakikat bahawa BERSATU telah keluar dari PH juga diakui oleh YABhg Tun sendiri. Dalam perutusan khas beliau pada 26 Februari 2020, beliau menyebut "Saya minta diberi masa. Tetapi parti saya BERSATU telah memutuskan untuk keluar dari Pakatan Harapan" (Rujuk perenggan 10, Perutusan Khas YAB Tun Dr Mahathir Bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia Pada 26 Februari 2020).
13. Jadi, saya ingin ulangi bahawa dakwaan yang mengatakan MPT BERSATU tidak pernah membuat keputusan keluar dari PH adalah tidak benar sama sekali dan tidak disokong oleh fakta.

14. Saya juga ingin menjelaskan bahawa menurut Fasal 16.9 Perlembagaan BERSATU, jika Pengerusi berhenti atau diberhentikan maka Presiden hendaklah memangku jawatan tersebut sehingga diadakan pemilihan untuk memilih Pengerusi baharu. Dalam tempoh tersebut, Pemangku Pengerusi boleh melaksanakan tanggungjawab Pengerusi sepertimana termaktub dalam Fasal 16.2 perlembagaan parti.
15. Oleh kerana YABhg Tun telah meletak jawatan sebagai Pengerusi BERSATU pada 24 Februari 2020, jawatan Pengerusi dipangku oleh YAB Tan Sri Muhyiddin sehingga pemilihan MPT diadakan untuk memilih Pengerusi baharu. Buat masa ini tarikh pemilihan MPT BERSATU masih belum ditetapkan.
16. Benar, Mesyuarat Khas MPT pada 24 Februari 2020 telah menolak peletakan jawatan YABhg Tun sebagai Pengerusi BERSATU. Namun, setelah disemak dari sudut perlembagaan parti, tiada sebarang peruntukan dalam Perlembagaan BERSATU yang membenarkan MPT mengembalikan semula jawatan Pengerusi kepada pemegangnya yang telah meletak jawatan. Perkara ini adalah di luar batasan bidang kuasa MPT apabila terdapat peruntukan bertulis yang jelas mengenainya dalam Fasal 16.9.
17. Semua ahli termasuk Pengerusi, Presiden dan ahli MPT adalah tertakluk kepada hak dan tanggungjawab yang termaktub dalam perlembagaan parti. Tiada mana-mana ahli atau pemimpin, hatta pemimpin tertinggi parti sekalipun yang mempunyai kuasa melangkaui perlembagaan parti. Dengan kata lain, tiada sesiapaupun yang berkuasa mutlak di dalam parti.
18. Saya menyeru ahli-ahli parti supaya terus memelihara perpaduan parti. Jika terdapat sebarang perselisihan pendapat, maka rujuklah kepada perlembagaan parti yang memberi panduan kepada kita untuk melaksanakan amanah sebagai ahli dan menjalankan pentadbiran parti dengan sempurna.

19. Saya juga menyeru kepada semua ahli supaya memberikan sokongan padu kepada Presiden merangkap Pemangku Pengerusi parti dan Perdana Menteri, YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin, dalam usaha gigih beliau untuk membawa Malaysia keluar dari krisis COVID-19 seterusnya melonjakkan kembali pertumbuhan ekonomi negara. Sama-sama juga kita doakan agar YABhg Tun Dr Mahathir yang kita kasihi sentiasa dikurniakan kesihatan yang baik oleh Allah SWT.

**Dr. Radzi Jidin**

Ketua Penerangan BERSATU

9 Mei 2020